

**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 7**  
**RUANGAN : LOKAL**



TIAN Soon ketika sesi soalan lisan di Dewan Undangan Negeri (Dun) Johor, semalam.

## Kes kesihatan mental di Johor meningkat

**Iskandar Puteri:** Johor mencatatkan peningkatan kes kesihatan mental serta gangguan emosi membabitkan lebih 20 peratus sejak penularan Covid-19 tiga tahun lalu.

**Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon** berkata perkembangan itu cukup membimbangkan dengan Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) sedang memantau itu berkenaan.

"Tahun lalu, JKNK merekodkan sebanyak 28 peratus kes kesihatan mental serta gangguan emosi di-

kesan di negeri ini. "Ia berbanding hanya 21 peratus kes sama tahun lalu, manakala pada 2020 kes kesihatan mental dan gangguan emosi juga berada pada tahap tinggi iaitu 28 peratus.

"Kita mengesan trend peningkatan ini berlaku selepas penularan wabak Covid-19 pada 2020. Kita sebut peningkatan kerana kes kesihatan mental dan gangguan emosi hanya mencatatkan antara 11 hingga 12 peratus sahaja sebelum 2020," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soalan lisan di Dewan Undangan Negeri (Adun) Johor, semalam.

Terdahulu, **Selamat Takim (BN-Sungai Balang)** ingin tahu kes kesihatan mental dan gangguan emosi yang direkodkan di negeri ini.

Dalam pada itu, Tian Soon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Yong Peng, berkata dari segi saringan kes kesihatan mental dan gangguan emosi pula ia menunjukkan peningkatan ketara.

Katanya, seramai 57,855 pesakit kes berkenaan di-

**Tahun lalu, JKNK merekodkan sebanyak 28 peratus kes kesihatan mental serta gangguan emosi di-**  
**kesan di negeri ini"**

Tian Soon

saring, tahun lalu.

"Ia berbanding hanya 35,951 pada 2021 dan 37,128 pada 2020 ketika Covid-19 mula menular," katanya.

Beliau berkata, isu masalah kesihatan mental dan gangguan emosi perlu ditangani secara holistik dengan punca kepada perubahan emosi ini perlu dienal pasti dan ditangani.

Katanya, ia supaya gangguan emosi tidak berpanjangan dan berakhir dengan penyakit mental.

"Antara gangguan emosi dikenal pasti adalah kehilangan pekerjaan dan isu kewangan. JKNJ menyediakan perkhidmatan membantu pesakit beradaptasi dengan situasi baru dan bagaimana menghadapi keceluaran emosi."

"Akhir tetapi, punca kepada gangguan emosi ini memerlukan pembabitan pelbagai agensi yang berkepentingan," katanya.

Beliau berkata, JKNJ menyediakan sistem saringan minda sihat atas talian iaitu eDASS untuk penduduk negeri ini melaksanakan saringan kesihatan mental kendiri melalui Sistem Saringan Minda Sihat atau QR DASS.

"Orang awam yang menjawab saringan akan mendapat jawapan serta merta dan saranan, intervensi seterusnya," katanya.

**AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : LOKAL**

**'Teliti betul-betul sebelum halal kanabis untuk perubatan'**

**Kuala Lumpur:** Isu berkaitan kebenaran penggunaan kanabis bagi tujuan perbutatan dalam negara memerlukan penelitian dan perbincangan menyeluruh serta mendalam termasuk daripada aspek kawalan penggunaan bahan berkenaan kelak.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia mengambil kira jumlah penangih dalam kalangan anak muda termasuk di luar bandar yang semakin meningkat sehingga mencapai ratusan ribu setakat ini.

"Sabar, kita harus teliti betul-betul, kena ingat sebaik sajaya kita halalkan (kanabis) dengan hujah kuat seperti perubatan dan keperluan, itu nak kawal susah... Saya tidak kata saya ada pandangan keras dalam bidang ini, saya sudah cadang supaya kita buka ruang dan bincang betul-betul implikasi nya.

"Bagi orang yang nak c-  
dangkan atau menolak, mari  
kita lihat secara keseluruhan



ANWAR ketika menghadiri program Temu Anwar sempena Pameran Memperkasa Belia 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

dulu implikasi dan kemudian ambil keputusan sama ada nak halalkan sebahagian atau terus dengan keadaan sekarang," katanya ketika menjawab soalan peserta dalam program Dialog Anak Muda Temu Anwar di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, kelmarin.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Ketua Pengarah Ja-

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Ketua Pengarah Ja-

batan Siasatan Jenayah Nar-kotik Bukit Aman Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay turut memberi gambaran berkaitan permasalahan yang serius ditangani berhubung isu penyalahgu-

Thailand negara Asia Tenggara pertama benarkan penggunaan kanabis untuk perubatan

naan dadah dalam keadaan sekangkuan.

Thailand adalah negara Asia Tenggara pertama membenarkan penggunaan kanabis bagi tujuan perubatan.

Ogos lepas, Menteri Kesihatan ketika itu

Knatty Jamaluddin dalam lawatan kerja ke Thailand, turut meninjau potensi penggunaan kanabas bagi tujuan perubatan selain melihat kerangka undang-undang yang berkaitan dengannya.

Sementara itu, menjawab soalan peserta sama ada terdapat sebarang rancangan untuk memecah monopolis Touch 'n Go dalam sistem

pengangkutan dan jalan raya negara, Anwar berkata, perkara tersebut mungkin dipertimbangkan semula.

"Touch 'n Go beroperasi lebih dua dekad, belum ada perkembangan atau kemajuan meyakinkan dalam sistem ini... saya rasa anda betul, kita perlu mempertimbang semula perkara ini," katanya.

**AKHBAR : KOSMO****MUKA SURAT : 12****RUANGAN : NEGARA**

## 61 individu hisap rokok di premis awam dikompaun

**KEMAMAN** — Padah merokok di tempat awam, seramai 61 individu dikompaun Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) dalam operasi khas di sekitar daerah ini dan Dungun kelmarin.

Sepanjang operasi, sebanyak 32 premis diperiksa melibatkan kedai makan, hentian rehat dan awat (R&R), hentian pengangku-an awam, premis kerajaan dan kedai menjual hasil tembakau.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, setiap individu terbabit dikompaun RM250 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM15,200.

"Operasi ini berikutan peningkatan aduan awam yang telah diterima berkaitan pelanggaran gemar merokok di kedai makan di negeri ini," katanya semalam.

Kasemani memberitahu, ke-

salahan tertinggi direkodkan adalah merokok di kedai makan dengan 52 kompaun, diikuti di kawasan R&R (7) dan hentian pengangkutan awam (2).

"Kompaun ini boleh dibayar di mana-mana pejabat kesihatan di seluruh negara dalam tempoh dua bulan.

"Jika gagal, boleh didenda maksimum RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun," tegasnya.



**SEORANG** individu dikompaun atas kesalahan merokok di kedai makan dalam operasi khas dijalankan di sekitar Kemaman dan Dungun semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NEGERI

## Masalah kesihatan mental di Johor membimbangkan

**ISKANDAR PUTERI** - Kes kesihatan mental dan gangguan emosi di negeri ini dilaporkan meningkat 20 peratus bagi tempoh tiga tahun, sejak penularan pandemik Covid-19.

Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon, berkata rekod terabit cukup membimbangkan dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) sedang berusaha memantau isu berkenaan.

"JKNJ merekodkan sebanyak 28 peratus kes kesihatan mental serta gangguan emosi dilikesan pada tahun lalu. Sementara 21 peratus pada tahun 2021.

"Manakala pada 2020 kes kesihatan mental dan gangguan emosi juga berada pada tahap tinggi iaitu 28 peratus. Kita sebut peningkatan kerana kes kesihatan mental dan gangguan emosi hanya mencatatkan antara 11 hingga 12 peratus sahaja sebelum 2020," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soalan lisani di Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, pada Isnin.

Sebelum ini, Selamat Takim (**BN-Sungai Balang**) ingin tahu kes kesihatan mental dan gangguan emosi yang direkodkan di negeri ini.

Dalam pada itu, Tian Soon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Yong Peng, berkata dari segi saringan kes kesihatan mental dan gangguan emosi pula ia menunjukkan peningkatan ketara.

Menurutnya, seramai 57,855 pesakit kes berkenaan disaring, tahun lalu, berbanding hanya 35,951 pesakit pada 2021 dan 37,128 pada 2020 ketika Covid-19 mula menular.

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Mental health cases in Johor up

**ISKANDAR PUTERI:** Johor recorded an increase of more than 20% in cases of mental health and emotional disorders since Covid-19 hit three years ago.

State Health and Unity Committee chairman Ling Tian Soon said this was quite worrying considering the matter needs to be managed well to prevent it from leading to other health issues.

Last year, Health Department records showed mental health and emotional disorders in the state accounted for 28% of the cases, compared with 21% in 2021.

"In 2020, mental health and emotional disorders also accounted for 28% of the cases. We detected (an uptick in the number of cases) after the Covid-19 pandemic hit in 2020," he said in response to a question at the state assembly yesterday.

He said before 2020, mental health issues and emotional disorders only made up between 11% and 12% of the total number of cases.

Ling said as of last year, a total of 57,855 patients with mental health and emotional disorders were screened.

"This is compared with only 35,951 patients in 2021 and 37,128 in 2020 when Covid-19 first started," he said, adding that job losses and financial issues were among the main stress factors identified.

He also said the state health department has been helping patients adapt to the new normal post-pandemic era and deal with their emotional issues.

He said the state government, through the state health department, is also providing mental health support services to flood evacuees, especially in severely affected areas.

"This service includes psychosocial first aid, intervention support for disaster victims to tackle mental health issues stemming from crises such as the floods currently hitting Johor." - Bernama